Koiman Travel & Tour
(Reg. No: 837908-D) (KKPL 6447)

# 8H6M

# ITALI + SWISS

**Venice – Milan – Como – Interlaken – Grindelwald – Lauterbrunnen – Lucerne – Zurich**





LAUTERBRUNNEN

LAUTERBRUNNEN MERUPAKAN SEBUAH PERKAMPUNGAN INDAH DI SWITZERLAND YANG TERKENAL DENGAN PEMANDANGAN LEMBAH HIJAU, AIR TERJUN YANG MENAKJUBKAN DAN SUASANA PERGUNUNGAN ALPS YANG MEMPESONAKAN.



# 8H6M

# ITALI + SWISS

**Venice – Milan – Como – Interlaken – Grindelwald – Lauterbrunnen – Lucerne – Zurich**

Koiman Travel & Tour (Reg. No: 837908-D) (KKPL 6447)

## HARI 01 | KUALA LUMPUR - ISTANBUL - VENICE

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Venice.
(Transit di Istanbul)
Bermalam di **Venice.**

## HARI 02 | VENICE - MILAN — SP/MM

Lawatan di **Venice:**

- **San Marco Square:** Dataran utama yang menempatkan pelbagai tarikan di sekitarnya seperti gereja San Marco Basilica dan juga menjadi tapak bagi sebarang acara utama di pulau ini.
- **Doge's Palace:** Istana kediaman pemerintah Venice dahulu yang dibina pada 1340 dengan ukiran bercirikan Gothic dan kini menjadi muzium.
- **Bridge Of Sighs:** Sebuah jambatan terkenal dengan kisah cinta Casanova yang menyambungkan Doge's Palace dengan penjara.
- **San Marco Cathedral:** Sebuah katedral ikonik di Venice yang terkenal dengan seni bina Byzantine yang unik, dihiasi mozek emas yang menakjubkan serta menjadi simbol keagungan sejarah dan budaya kota tersebut.
- **Bell Tower:** Menara loceng ikonik yang menawarkan pemandangan panoramik bandar Venice dari ketinggian, sesuai untuk sesi bergambar sambil menikmati keindahan laguna dan bumbung-bumbung klasik di sekitarnya.
- Dengan bayaran tambahan, peserta berpeluang untuk menikmati pengalaman menarik menyelusuri terusan di kota ini dengan menaiki bot gondola.

Bermalam di **Milan.**

## HARI 03 | MILAN - COMO - BERNE — SP/MM

Lawatan di **Milan:**

- Lawatan ke **Duomo** di Milano, katedral ikonik berkonsepkan seni bina Gothic yang menakjubkan dan menjadi simbol utama bandar Milan dengan ukiran yang sangat terperinci.
- Bergambar di **La Scala Theathre**, salah satu gedung opera paling terkenal di dunia yang kaya dengan sejarah seni persembahan dan muzik klasik.
- Singgah di **Da Vinci Statue Milan**, monumen yang didedikasikan kepada tokoh genius Leonardo da Vinci, terletak di kawasan strategik berhampiran La Scala Theatre.

Lawatan di **Como:**

- **Lake Como** merupakan tasik terkenal di utara Itali yang memukau dengan pemandangan air jernih, perkampungan indah serta latar belakang pergunungan yang menenangkan.
- **Villa Olmo** merupakan sebuah vila bersejarah bergaya neoklasik yang menawarkan seni bina elegan dan taman yang luas, sesuai untuk bergambar sambil menikmati suasana eksklusif di tepi tasik.

Bermalam di **Berne.**

## HARI 04 | BERNE - INTERLAKEN - GRINDELWALD - LAUTERBRUNNEN - BRUNNEN — SP/MM

- **Interlaken** sebuah bandar pelancongan terkenal yang terletak di antara dua tasik iaitu Lake Thun dan Lake Brienz di kawasan Bernese Oberland, Switzerland. Ia dikelilingi oleh pemandangan Alps yang menakjubkan serta menjadi pusat utama untuk pelbagai aktiviti pengembaraan seperti paragliding, skydiving, dan pelayaran tasik. Interlaken juga merupakan pintu masuk utama ke destinasi pergunungan terkenal seperti Jungfraujoch, menjadikannya lokasi strategik dan popular dalam kalangan pelancong.
- **Grindelwald** sebuah perkampungan yang terletak di kawasan pergunungan Bernese Oberland di Switzerland. Ia dikelilingi oleh beberapa gunung terkenal seperti Eiger, Wetterhorn dan Jungfrau. Grindelwald sering menjadi titik permulaan untuk aktiviti mendaki, ski, dan pelancongan ke kawasan pergunungan.
- **Lauterbrunnen** sebuah perkampungan indah di lembah Alpine, Switzerland, terkenal dengan air terjun yang menjulang tinggi (seperti Staubbach Falls) dan pemandangan dramatik dikelilingi tebing curam serta gunung bersalji. Ia juga merupakan pintu masuk ke destinasi popular seperti Jungfraujoch, Wengen, dan Mürren. Suasana tenang dan alam semula jadi menjadikan Lauterbrunnen antara tempat tercantik di dunia.

Bermalam di **Brunnen.**

## HARI 05 | BRUNNEN - LUCERNE - ZURICH — SP/MM

Lawatan di **Lucerne:**

- **Chapel Bridge:** Jambatan kayu yang dibina pada tahun 1333 asalnya sebagai sebahagian dari tembok pertahanan kota ini.
- **Lion Monument:** Ukiran tugu batu singa dan perisai melambangkan kegagahan, keberanian dan kesetiaan Swiss Army ketika zaman French Revolution.
- Membeli-belah di butik jam terkenal iaitu Bucherer dan barangan cenderamata di Casa Grande.

Bermalam di **Zurich.**

## HARI 06 | ZURICH - SCHAFFHAUSEN - ZURICH — SP/MM

- Melawat ke **The Rhine Falls** yang merupakan air terjun terbesar di Eropah. Berkedudukan berhampiran dengan Schahausen.
- Membeli-belah di **Lindt Chocolateria** destinasi wajib bagi pencinta coklat untuk menikmati dan mendapatkan pelbagai pilihan coklat premium Lindt yang terkenal di dunia, sesuai sebagai buah tangan eksklusif dari Switzerland.

Bermalam di **Zurich.**

## HARI 07 | ZURICH - ISTANBUL — SP

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang terus ke Kuala Lumpur. (Transit di Istanbul)

## HARI 08 | ISTANBUL - KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur Terminal 1.

## PERTUKARAN MATA WANG

USD 1 = MYR 4.50

EUR 1 = MYR 4.60

## PERBEZAAN WAKTU

Eropah: GMT-7 | Itali: GMT+1
Malaysia: GMT+8

**Musim Panas:** Jun - Ogos

**Musim Luruh:** Sept - November

**Musim Sejuk:** Disember - Feb

**Musim Bunga:** Mac - Mei




# TOUR HIGHLIGHTS



### 1. THE RHINE FALLS

Melawat ke The Rhine Falls yang merupakan air terjun terbesar di Eropah. Berkedudukan berhampiran dengan Schahausen.



### 2. GRINDELWALD

Perkampungan yang terletak di kawasan pergunungan Bernese Oberland di Switzerland. Ia dikelilingi oleh beberapa gunung terkenal seperti Eiger, Wetterhorn dan Jungfrau.



### 3. VENICE ISLAND

Sebuah pulau yang terkenal di Itali yang dibina di atas rangkaian lebih 100 pulau kecil yang dipisahkan oleh terusan dan jambatan. Terkenal dengan gondola, seni bina unik dan sejarah kebudayaan.



### 4. LAKE COMO

tasik terkenal di utara Itali yang memukau dengan pemandangan air jernih, perkampungan indah serta latar belakang pergunungan yang menenangkan.

## Hotel Penginapan — 3* Hotel

| BANDAR | HOTEL/SETARAF | BIL. MALAM |
|---|---|---|
| Padova | | 1 Mlm |
| Milan | | 1 Mlm |
| Berne | | 1 mlm |
| Brunnen | | 1 Mlm |
| Zurich | | 2 Mlm |

## Jadual Penerbangan — TURKISH AIRLINES

| HARI | PESAWAT | SEKTOR | ETD | ETA |
|---|---|---|---|---|
| 1 | TK 63 | KUL - IST | 1005 | 1635 |
| 1 | TK 1869 | IST - VCE | 1805 | 1840 |
| 7 | TK 1908 | ZRH - IST | 1040 | 1545 |
| 8 | TK 60 | IST - KUL | 0200 | 1720 |

## Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel & makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan & pelancong yang professional.
- Tip untuk pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Pengangkutan feri ke Venice Island.

## Harga Pakej Tak Termasuk

- Sewa bot Gondola di Venice dan lain-lain tiket masuk lawatan yang tidak dinyatakan.
- Travel Insurans - Sila rujuk agent untuk pembelian insurans yang sesuai
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.
- Urusan permohonan visa perlu dilakukan oleh travel agent sendiri jika perlu.